

1 Ogos 2009 (Sabtu)

Polis tumpas sindiket palsu 50 sen

Oleh Suhana Roslan suhanaroslan@bhrian.com.my



SHAKARUDIN (kanan) menerangkan rampasan syiling 50 sen palsu pada sidang media di Balai Polis Kajang, semalam.

Empat dalang kena tahan bersama peralatan buat duit

KAJANG: Polis menumpaskan sindiket memalsukan wang syiling bernilai RM17,500 selepas menahan empat lelaki yang menaiki sebuah kereta dipercayai dalang utamanya di Taman Restu, Jalan Semenyih di sini, kelmarin. Dalam serbuan jam 5 petang itu, polis menemui dua besi hitam bulat iaitu alat acuan membuat wang syiling di bonet kereta Proton Wira yang ditahan Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Hasil siasatan dan pemeriksaan, polis menjumpai 35 bungkusan plastik lutsinar masing-masing berisi 1,000 syiling 50 sen setiap satu, semuanya palsu. Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Shakarudin Che Mood, berkata kes itu yang pertama membabitkan wang syiling palsu dan disifatkan rampasan terbesar di Selangor. "Siasatan polis mendapati semua 35,000 syiling yang dianggarkan bernilai RM17,500 itu adalah palsu berdasarkan bentuknya yang agak berbeza dan ringan berbanding tulen," katanya.

Katanya, dua suspek ditahan dalam kereta yang diperiksa di Jalan Semenyih dan hasil soal siasat terhadap mereka membawa kepada penahanan dua rakan di lokasi berhampiran jam 11 malam hari sama. Polis turut merampas 200 syiling daripada mereka. "Semua lelaki berusia 30-an itu direman empat hari bermula hari ini dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 235 Kanun Keseksaan kerana memiliki alat memalsukan duit. "Pihak kami sedang menyiasat lokasi sebenar yang mahu dituju suspek termasuk mengenal pasti markas utama pemprosesan wang syiling palsu itu," katanya di sini, semalam.

1 Ogos 2009 (Sabtu)

Selangor selesai audit dalaman September

SHAH ALAM: Sama ada benar wujud penyalahgunaan peruntukan kerajaan negeri di kalangan wakil rakyat Pakatan Rakyat di Selangor hanya akan diketahui awal September ini, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Beliau berkata, Audit Dalaman Negeri sudah diarah mengaudit perbelanjaan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang menggunakan wang peruntukan kerajaan negeri. "Saya hanya akan dapat maklumat sama ada benar atau tidak berlaku penyelewengan seperti didakwa dalam tempoh sebulan ini atau awal September," katanya selepas menghadiri Sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri di Dataran Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Abdul Khalid diminta mengulas tindakan Gerakan Rakyat Antikorupsi Malaysia (Gerak) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap seorang Adun Pakatan Rakyat (PR) berhubung dakwaan rasuah, kelmarin. Dakwaan itu membabitkan penyalahgunaan peruntukan kerajaan negeri di kawasan yang diwakili Adun berkenaan berjumlah RM375,000. Presiden Gerak, Mohd Nazree Mohd Yunus, berkata wakil rakyat itu bukan daripada DAP tetapi tidak menyatakan sama ada individu itu daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Pas atau Exco Selangor.

Abdul Khalid berkata, peruntukan kepada semua Adun disalurkan menerusi pejabat daerah dan setiap tuntutan yang dikemukakan Adun bagi membiayai aktiviti untuk penduduk di kawasan yang diwakili diluluskan mengikut tatacara kewangan negeri. "Setiap suku tahun pertama kita membuat pemantauan untuk mengetahui jumlah peruntukan yang dibelanjakan setiap Adun," katanya.

Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri tidak mahu kesilapan yang dibuat Barisan Nasional (BN) apabila membelanjakan semua peruntukan untuk setahun dalam tempoh dua bulan saja pada awal 2008 berulang. Berikutan itu, katanya, PR terpaksa menggunakan peruntukan tambahan untuk disalurkan kepada Adun selepas memenangi Pilihan Raya Umum pada Mac 2008.

3 Ogos 2009 (Isnin)

Kakitangan awam perlu komited penuhi hasrat rakyat: Najib

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak mahu semua anggota perkhidmatan awam komited untuk memenuhi hasrat dan jangkauan rakyat bagi melihat transformasi pembangunan lebih besar kepada negara. Berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, pagi ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan kini dalam fasa tindakan dan bukan lagi menetapkan matlamat dan sasaran. "Saya dapat simpulkan bahawa kita bukan saja inginkan perubahan, tapi perubahan atau transformasi dengan lebih berkesan," katanya.



Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

3 Ogos 2009 (Isnin)

Kerajaan Pusat sedia RM12b perkasakan prasarana luar bandar

PELABUHAN KLANG: Kerajaan Pusat memperuntukkan antara RM8 bilion hingga RM12 bilion bagi memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman di Semenanjung, Sabah serta Sarawak, selaras enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata beberapa sasaran sudah digariskan untuk dicapai dalam tempoh dua atau tiga tahun menjelang 2012.

Beliau berkata, antara pembangunan prasarana itu termasuk pembinaan dan menaik taraf jalan sepanjang 1,500 kilometer di seluruh negara, pembinaan 50,000 rumah untuk penduduk miskin tegar, bekalan elektrik dan air bersih kepada penduduk luar bandar serta pedalaman. "Kita juga akan naik taraf jalan tanah merah dan bagi kawasan yang tidak ada jalan, kita akan bina jalan," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat Umno bahagian Klang, di sini, semalam.

Mohd Shafie berkata, sesetengah projek itu dimulakan tahun ini dan ia akan rancak dilaksanakan tahun depan termasuk pembinaan rumah untuk rakyat miskin tegar. "Ketika ini, kira-kira 13,000 rumah untuk rakyat miskin tegar sudah dibina," katanya.

4 Ogos 2009 (Selasa)

Kakitangan awam digesa fokus NKRA

Oleh Saufi Hamzah sofeeham@bharian.com.my



SEBAHAGIAN penjawat awam mendengar ucapan Perdana Menteri pada perhimpunan bulanan JPM di Putrajaya, semalam.

Najib mahu rakyat nikmati transformasi pembangunan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak mahu anggota pentadbiran dan penjawat awam menumpukan pemikiran mereka terhadap enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) agar dapat dilaksanakan dengan penuh komitmen bagi memenuhi jangkauan rakyat untuk melihat transformasi pembangunan lebih besar kepada negara. Perdana Menteri berkata, kini masanya untuk bertindak dan melaksanakan NKRA bagi mencapai Prestasi Petunjuk Utama (KPI) semua kementerian seperti yang beliau umumkan baru-baru ini.

"Prinsip saya yang sangat tinggi bukan saja di kalangan anggota pentadbiran, tetapi penjawat awam daripada Ketua Setiausaha Negara hingga pegawai tertinggi kerajaan yang komited untuk menjayakan NKRA. "Ini satu petanda yang baik bahawa apabila kita amat komited dengan semangat kebersamaan ini, saya percaya ada kemungkinan besar apa diharapkan kerajaan dan jangkauan rakyat itu, insya-Allah ada harapan besar untuk dicapai. "Sekarang ini kita dah masuk dalam 'action mode', ini bukan lagi kita nak sebut mengenai matlamat kita... sasaran kita, tetapi sekarang ini adalah kaedah tindakan, apa yang patut kita lakukan," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan. Baru-baru ini, Najib mengumumkan enam sasaran teras NKRA, iaitu mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20 peratus pada akhir 2010, semua perolehan kerajaan menggunakan tender terbuka atau tender terhad bagi memerangi rasuah, pendidikan prasekolah dijadikan sebahagian sistem pendidikan kebangsaan dalam aliran perdana bagi memperluas akses pendidikan berkualiti, membanteras kemiskinan tegar menjelang 31 Disember 2010, peruntukan RM10.9 bilion bagi membina jalan, bekalan air dan elektrik, selain baik pulih 50,000 rumah menjelang 2012 dan menetapkan 25 peratus penduduk Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam pada akhir 2012.

"Kita dah kenal pasti enam NKRA untuk negara kita, setiap satu daripada enam bidang sekali dengan KPI yang lain untuk setiap kementerian adalah satu komitmen kerajaan, komitmen anggota kerajaan dan penjawat awam untuk bersama-sama dalam satu pasukan dapat memenuhi apa yang kita sudah tentukan kali ini berkait rapat dengan soal kebertanggungjawaban.

"Ini bererti kita sanggup meletakkan kepentingan kita, malah kita sanggup dikritik malah mungkin dihukum jika sekiranya gagal untuk capai sasaran yang sudah ditetapkan. Namun, sebagai kerajaan yang berasaskan amat penting kita menegakkan prinsip ini kepada rakyat, jadi kita memberanikan diri menetapkan bidang NKRA dan juga sasaran utama yang perlu dicapai dalam jangka masa tertentu," katanya.

Beliau berkata, KPI akan menjadi piawai kepada kaedah pentadbiran kerajaan, dengan cara seperti ini kerajaan percaya akan menjadi radar pertimbangan kerja yang amat berkesan. "Saya dapat simpulkan bahawa kita ingin melakukan bukan saja perubahan, tetapi transformasi negara Malaysia dan apakah cara paling berkesan untuk mencapai transformasi yang kita hasratkan.

"Pada pengamatan saya transformasi yang kita hasratkan itu akan hanya dapat dicapai jika kita dapat mewujudkan apa yang saya sifatkan sebagai bidang keberhasilan utama. Ini adalah kerana penilaian yang paling bermakna adalah pencapaian bukanlah dari segi slogan, retorik, pidato yang sangat bermutu tapi akhirnya ia berkisar kepada prestasi," katanya.

Najib berkata, transformasi besar yang diimpikan sama ada dalam konteks menjadikan negara maju, negara yang mempunyai ekonomi berteraskan inovasi dan maklumat atau negara berpendapatan tinggi, semuanya tidak dapat lari daripada pencapaian.

4 Ogos 2009 (Selasa)

Sektor perumahan dirombak



NAJIB melihat replika ibu pejabat Rehda sambil diperhatikan (dari kanan) Peter Chin, Ng dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Makan Malam, Datuk Fateh Iskandar Mohamed Mansor pada majlis malam malam sempena sambutan ulang tahun ke-39 Rehda, di Kuala Lumpur, malam tadi.

PETALING JAYA: Kerajaan akan melaksanakan rombakan menyeluruh terhadap sistem sedia ada dalam sektor perumahan bagi menghasilkan formula baru yang memanfaatkan semua pihak, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, sudah tiba masanya untuk kerajaan meneliti perkara itu supaya agenda sosial negara dicapai berterusan seiring perkembangan dan pertumbuhan sektor swasta. Katanya, kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang mengkaji model yang paling mapan dan boleh dilaksanakan selaras matlamat perumahan sosial negara, yang mana kumpulan berpendapatan rendah dijamin akses berterusan kepada rumah yang mampu dimiliki dan berkualiti dengan kemudahan serta prasarana lengkap.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan tidak ketinggalan mengambil kira mesej disampaikan pemaju perumahan, meliputi pelbagai aspek kesulitan yang mereka hadapi dan akan mengkajinya dari semasa ke semasa, termasuk untuk pembentangan bajet akan datang. Malah, bagi masalah kuota Bumiputera tidak terjual yang dihadapi industri perumahan sejak sekian lama, Perdana Menteri menggesa pihak berkuasa negeri berkaitan supaya mengkaji perkara itu secara objektif, sekali gus mendapatkan jalan penyelesaian terbaik.

“Dalam pada kerajaan berpendirian teguh berhubung isu keadilan sosial, kita sedar pengekalan unit kuota Bumiputera, sedangkan penjualan kurang menjadi masalah kepada pemaju. “Sudah tentu bukan hasrat kerajaan untuk membebankan industri dan jalan penyelesaian yang sewajarnya terhadap masalah ini akan membantu industri untuk maju serta menggalakkan pelaburan demi kebaikan ekonomi negara,” katanya ketika berucap pada majlis malam malam sempena sambutan ulang tahun ke-39 Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Kong Cho Ha; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui dan Presiden Rehda, Datuk Ng Seing Liong. Sementara itu, Ng dalam ucapannya berkata, pemaju terpaksa menanggung kos pembangunan rumah kos rendah yang meningkat melangkaui harga siling sedangkan harga rumah berkenaan masih kekal dengan kadar ditetapkan pada 1998. Dari segi dasar kuota Bumiputera pula, beliau berkata, peningkatan kuota menyebabkan semakin banyak bilangan unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, terutama di negeri mempunyai kuota tinggi dan di lokasi yang kurang mendapat sambutan pasaran yang disasarkan.

5 Ogos 2009 (Rabu)

220,000 peluang kerja baru

Oleh Rosli Abdul Jalil bhnews@bharian.com.my



NAJIB melihat pelan rancangan pembangunan ketika melawat pameran selepas merasmikan ECER SEZ di Pekan, semalam. Turut hadir, Nik Abdul Aziz (kiri) dan Adnan.

ECER-SEZ dijangka tarik pelaburan RM90 bilion

PEKAN: Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER-SEZ) dijangka mewujudkan lebih 220,000 peluang pekerjaan baru dan menarik RM90 bilion pelaburan langsung domestik dan antarabangsa menjelang 2020, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, SEZ mempunyai impak ekonomi amat besar, termasuk keupayaan menyumbang masing-masing 50 dan 80 peratus kepada peluang pekerjaan dan hasil keluaran ekonomi untuk keseluruhan ECER walaupun saiznya hanya enam peratus daripada keseluruhan keluasan wilayah ekonomi itu. Katanya, empat zon bebas diwujudkan di SEZ untuk menggalakkan dan menumpukan rantaian antara kelompok industri, iaitu kelompok Pembuatan Bernilai Tinggi, Industri Asas Tani; Gas dan Petrokimia; Pelancongan/Hartanah; Ilmu/Pendidikan dan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) serta Logistik.

ECER-SEZ ialah zon ekonomi khas pertama di Malaysia yang bersepadu dari Kertih, Terengganu ke Pekan, Pahang. 'Projek di luar kawasan SEZ akan terus berjalan. Oleh sebab ECER luas, ia memerlukan kawasan tumpuan,' katanya pada sidang media selepas melancarkan SEZ dan projek Agropolitan ECER di Runchang, di sini, semalam. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said; Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif ECER, Datuk Jebasingam Issace John.

Bagi tempoh 2007 hingga sekarang, sejumlah RM24 bilion nilai pelaburan asing dan tempatan diperoleh daripada pelabur swasta untuk projek di ECER dalam kelompok pelancongan, pembuatan, petrokimia dan pertanian. Perdana Menteri berkata, pembangunan ECER akan terus mendapat komitmen kerajaan hingga ke Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) sehingga 2020 melalui 189 projek bernilai RM112 bilion yang dilaksanakan secara berperingkat. Sehubungan itu, Najib berkata, Pelabuhan Kuantan akan dinaikkan taraf dan diperluaskan untuk mengendalikan lebih 30 juta tan muatan kargo setahun menjelang 2020 berbanding 16.8 juta tan sekarang.

Untuk merangsang pertumbuhan pesat SEZ, Najib berkata, kerajaan akan menyediakan insentif fiskal dan bukan fiskal untuk menarik pelaburan dan terus berdaya saing. Najib berkata, projek Agropolitan ECER yang dilancar adalah sebuah pembangunan bersepadu yang bermatlamat utama membasmi kemiskinan tegar pada akhir 2010, melalui penyertaan golongan miskin dalam sektor perladangan dan bukan perladangan.

6 Ogos 2009 (Khamis)

Timur: Projek rumah tergendala 10 tahun

Oleh Ramli Hussin bhkb@bharian.com.my



RUMAH contoh projek rumah kos rendah yang dibina pemaju tergendala pembinaannya sejak hampir 10 tahun lalu.

975 pembeli rumah Taman Putera Bukit Gedombak rayu pemaju cepat binaan

PASIR PUTEH: Seramai 975 pembeli rumah Taman Putera Bukit Gedombak, dekat sini, merayu pemaju dan pihak berkuasa mempercepatkan pembinaan projek rumah kos rendah di taman itu yang tergendala sejak hampir 10 tahun lalu. Projek perumahan kira-kira tiga kilometer dari bandar ini adalah projek perumahan dirancang dibina menerusi usaha sama pihak berkuasa tempatan dengan syarikat swasta pada 2000. Seorang pembeli rumah, Abdul Kadir Daud, 49, berkata mengikut perancangan asal, projek itu akan dilakukan secara berperingkat dengan sebahagian unit rumah kos rendah dan sederhana akan dibina itu bagi fasa pertama dan kedua.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini projek berkenaan masih belum dipulihkan menyebabkan sebahagian pembeli terpaksa tinggal di rumah sewa di sekitar bandar ini kerana tidak mampu lagi membeli rumah lain. "Dengan pendapatan tidak menentu kami sukar untuk membeli rumah lain kerana kadar harganya begitu mahal, selain lokasinya pula jauh dari bandar tempat kami mencari rezeki.



ABDUL KADIR menunjukkan bukti surat pembayaran pendahuluan pembelian.

"Wang pendahuluan sudah pun kami bayar pada kadar yang ditetapkan tetapi sampai sekarang tidak nampak projek berkenaan akan diteruskan walaupun hampir 10 tahun kami menunggu untuk mendiami rumah sendiri. "Apa yang menyedihkan, sehingga sekarang ia masih tidak nampak tanda-tanda yang rumah kami beli itu akan menjadi kenyataan," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Pesara tentera, Zawawi Abdul Rahman, 55, berkata beliau terkilang dengan kelewatan pembinaan rumah itu dan sepanjang sembilan tahun menunggu itu, beliau pernah dipanggil untuk membuat pengesahan oleh pihak berwajib, namun sehingga kini tiada tanda yang rumah itu akan dibina. "Usahkan nak bina rumah, tapak sedia ada pun sudah ditumbuhi semak, saya cuma nampak dua unit rumah contoh yang dibina, tetapi sampai bila kami semua sanggup menunggu.

"Saya minta pihak yang bertanggungjawab menyegerakan pembinaan kerana saya kini terpaksa menyewa rumah bersama lima anak yang sebahagiannya masih bersekolah. "Kalaupun pihak bertanggungjawab masih tidak membina rumah itu dan mengambil sikap lepas tangan, saya bimbang akan menimbulkan banyak lagi masalah kepada pembeli di sini yang rata-rata masih tidak mempunyai kediaman sendiri.

Safian Awang Hamat, 45, turut merayu kepada pihak bertanggungjawab khususnya kerajaan negeri supaya campur tangan dalam menyelesaikan masalah berkenaan. Sementara itu, sumber pihak berkuasa tempatan ketika dihubungi berkata, projek perumahan 1,286 unit rumah akan diteruskan sebuah syarikat yang kini sedang menunggu kelulusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7 Ogos 2009 (Jumaat)

UKM guna 30 peratus peruntukan penyelidikan kaji sains sosial

Oleh Norliza Abdullah lizz@bharian.com.my

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan sekitar 30 peratus daripada peruntukan penyelidikan RM100 juta tahun ini bagi menjalankan kajian berkaitan sains

sosial terutama membabitkan sistem pendidikan negara. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangnya, Prof Dr Hassan Basri, berkata pengkhususan kajian menggunakan semua dana diperoleh daripada kerajaan, agensi swasta dan pembiayaan asing itu sudah dikenal pasti.

Bagi pendidikan dan pembangunan sosial, beliau berkata, ia membabitkan usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan mengenal pasti kaedah terbaik memperkasakan kemudahan pendidikan rakyat. Katanya, perubahan dasar dan penstrukturan semula sistem pelajaran memerlukan ahli akademik bidang berkaitan menjalankan kajian menyeluruh mengenainya.

“Ini perlu bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara penyedia kemudahan pendidikan terbaik setanding negara maju. “Hasil penyelidikan bakal disalurkan kepada pentadbir dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kerana sektor pendidikan dilihat sebagai elemen penting menjana modal insan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Elektrik dan Informatik (ICEEI 2009) anjuran Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat dengan kerjasama Institut Teknologi Bandung di Bangi, kelmarin. Hassan menjelaskan UKM terus menyeimbangkan penyelidikan kedua-dua bidang bagi memastikan negara mendapat maklumat untuk menjana ekonomi tanpa mengambil mudah usaha membangunkan generasi muda. Seminar tiga hari berakhir hari ini disertai 160 peserta institusi pengajian tinggi awam tempatan dan antarabangsa, antaranya Indonesia, Thailand dan India. Sebanyak 50 kertas kerja pelbagai pengkhususan dibentangkan.